



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA**

**IKLAN PENGAMBILAN  
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP) TAHUN 2023**

Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

**Jawatan : Personel MySTEP (Ijazah Sarjana Muda)**  
**Gaji : RM 2100.00**  
**Kemudahan : Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan PERKESO**  
**Kekosongan : Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (SEKTOR TPC)**  
**Tempat : Aras 5, Blok E6, Cawangan Kesihatan Primer  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
62952 WP Putrajaya**

**SYARAT PERMOHONAN:**

1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Memiliki kelulusan minima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diliktiraf setaraf dengannya;
3. Mampu bekerja dalam situasi yang mendesak dan boleh menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan;
4. Mempunyai minat untuk meningkat ilmu dan kemahiran diri dan;
5. Bertanggungjawab dan memiliki personaliti yang menarik dan berdisiplin.
6. Mesti mengemukakan sijil digital vaksinasi Covid-19 yang lengkap 2 dos.

**DESKRIPSI TUGAS:**

1. Melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem enterprise Teleprimary Care- Oral Health Clinic Information System (TPC-OHCIS) seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT;
2. Membantu menganalisis maklumat isu, keperluan teknikal ICT dan langkah penyelesaian teknikal ICT dalam projek;
3. Menjalankan kerja-kerja troubleshooting dan first-level support berhubung aduan kerosakan ICT di klinik.
4. Membantu dalam penyediaan user requirement specification untuk penambahbaikan sistem Teleprimary Care- Oral Health Clinic Information System (TPC-OHCIS) sedia ada
5. Melaksanakan tugas-tugas lain berkaitan pengurusan peralatan ICT yang diarahkan darl semasa ke semasa.
6. Membantu menyediakan dokumen Pelan Pengurusan Projek
7. Membantu melaksanakan aktiviti dalam dokumen Pelan Pengurusan Projek seperti perlaksanaan, pemantauan, pengawalan dan pelaporan projek.

8. Membantu merekod semua keputusan berkaitan dengan projek dan menyalurkan keputusan tersebut kepada fasiliti yang berkenaan.

Cara Memohon:

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan resume beserta gambar berukuran passport, Salinan Kad Pengenalan dan juga salinan ijazah sarjana muda setaraf ke **emel** : [baydah@moh.gov.my](mailto:baydah@moh.gov.my) / [norhdayah@moh.gov.my](mailto:norhdayah@moh.gov.my) / [aidabdullah@moh.gov.my](mailto:aidabdullah@moh.gov.my) sebelum atau pada 31 Mei 2023

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA AKAN MENGHUBUNGI CALON YANG BERJAYA UNTUK SESI TEMUDUGA DALAM TEMPOH 3 HARI DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN**